

16 OCT 1996

Chee Khoon

PERJALANAN TERAKHIR MR OPPOSITION

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Tokoh veteran politik negara yang lebih dikenali sebagai "Mr Opposition" (pembangkang contoh) Tan Sri Dr Tan Chee Khoon, yang meninggal dunia Ahad lepas dikebumikan di tanah perkuburan Kristian Cheras di sini hari ini.

Terdahulu itu kira-kira 500 orang dari pelbagai golongan menghadiri upacara agama sebelum pengkebumian yang dikendalikan Bishop Emeritus Datuk Dr Denis Dutton di gereja Wesley Methodist Jalan Stadium.

Antara orang kenamaan yang menghadiri upacara itu ialah Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi Dr Goh Cheng Teik, anggota Parlimen Petaling Jaya Utara Lim Kuo Pau dan bekas Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Alex Lee.

Kira-kira satu jam kemudian jenazah Tan dibawa ke tanah perkuburan.

Para pelajar Sekolah Methodist Boys yang terletak di kawasan gereja itu berbaris sepanjang jalan ke pintu masuk untuk memberikan penghormatan terakhir.

Turut mengiringi jenazah itu ialah lima buah bas yang membawa anggota keluarga dan rakan-rakan Dr Tan dengan dikawal dua polis pengiring bermotosikal dan sebuah kereta peronda.

Perarakan ke tanah perkuburan itu melalui Jalan Loke Yew dan Jalan Cheras.

Dr Tan, anak kelahiran Kuala Lumpur, meninggal dunia pada usia 77 tahun selepas menghadapi sakit yang berpanjangan. Beliau meninggalkan seorang isteri Puan Sri Liew Foong Ying, 74, tiga anak perempuan dan tiga lelaki.

Dr Tan, seorang anggota Parlimen untuk selama dua dekad, lumpuh dan tidak boleh bercakap selepas diserang angin ahmar kali kedua pada 10 Okt 1993.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin dalam mengenang jasa Dr Tan berkata kerajaan menghargai peranannya sebagai "Mr Opposition" yang sering memberi teguran mengenai kelemahan, penyelewengan dan salahlaku kerajaan.

Dr Mahathir berkata ini sejajar dengan proses demokrasi bahawa kerajaan sedia menerima kritikan. -- BERNAMA

YBK RN RON